



جَبَانِ اَوْرُوسِنَ حَجَّ

JABATAN URUSAN HAJI
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA


KURSUS ASAS HAJI

PENGERTIAN HAJI

ISTILAH SYARA':

Mengunjungi Baitullahil-Haram dalam bulan-bulan haji kerana mengerjakan tawaf, sa'ie dan wuquf di 'Arafah dengan menurut syarat-syaratnya yang tertentu serta menunaikan segala kewajipannya

جَبَانِ اَوْ زُوَسِنَ حَاج



KEWAJIPAN HAJI

Ibadat Haji wajib dikerjakan sekali dalam seumur hidup dan sunat dikerjakan berulang-ulang.

Dari al-Qur'an:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Maksudnya :

“Dan bagi Allah diwajibkan atas manusia menunaikan Haji di Baitullah, yaitu bagi sesiapa jua yang mampu berjalan kepadanya.”

(Surah Ali 'Imran, Ayat 97)



SALAH SATU RUKUN ISLAM

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ

رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ: "بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا

رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ."

SALAH SATU RUKUN ISLAM

Daripada Abu Abdul Rahman, Abdullah bin Umar Radhiallahu ‘Anhuma, berkata: Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda: “Islam itu didirikan atas lima (perkara) – Menyaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dan bahawasanya Muhammad itu Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan puasa di bulan Ramadhan”.

(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

SEJARAH PENSYARIATAN HAJI

Menurut Jumhur Ulama, fardhu haji mula diwajibkan pada tahun ke Sembilan Hijrah kerana pada tahun itulah turunnya wahyu Allah melalui firmanNya:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ، فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ، فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَمَنْ تَمَنَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ذَلِكَ لِمَنْ لَّمْ يَكُنْ أَهْلَهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٩٦﴾

SEJARAH PENSYARIATAN HAJI



Terjemahan :

“Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah; maka sekiranya kamu dikepung (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram, maka kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah Dam yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya.”

SEJARAH PENSYARIATAN HAJI



Tahun 8 Hijrah	Pembukaan kota Makkah berlaku pada bulan Ramadhan.
Tahun 9 Hijrah	Haji pertama dipimpin oleh Saiyidina Abu Bakar.
Tahun 10 Hijrah	Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam mengerjakan ibadah haji.

SYARAT-SYARAT WAJIB HAJI



SYARAT UMUM

ISLAM

BALIGH

BERAKAL

MERDEKA

BERKUASA

SYARAT-SYARAT WAJIB HAJI

SYARAT KHAS PEREMPUAN



KECUALI PEREMPUAN
YANG BERUMUR
45 TAHUN KE ATAS
(KUMPULAN WANITA)



MAKSUD BERKUASA


- Hendaklah seseorang itu sihat tubuh badan. Jika terlalu tua atau berpenyakit yang berpanjangan, atau berpenyakit yang tidak ada harapan untuk sembuh, maka wajib diupahkan orang lain untuk mengerjakan haji bagi pihaknya.
- Hendaklah perjalanan pergi dan balik ke Makkah itu aman dan selamat bagi dirinya dan harta bendanya. Jika dia bimbang tentang keselamatan dirinya dan harta bendanya, maka dia termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak berkuasa.

MAKSUD BERKUASA




- Hendaklah dia mempunyai perbelanjaan yang cukup untuk dirinya dan orang-orang yang di bawah tanggungannya yang ditinggalkannya sepanjang dia menunaikan ibadah haji.
- Tidak ada sesuatu yang menghalangnya untuk mengerjakan ibadah haji seperti ada perasaan takut kepada raja atau ketua negara yang kejam yang melarang daripada menunaikan ibadah haji.


MANFAAT IBADAH HAJI



Dapat berada di tanah suci Makkah yang merupakan semulia-mulia bumi tempat lahir junjungan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.




Dapat beribadah di Masjidil Haram di hadapan Baitullah Al-Haram di mana pahalanya menyamai atau melebihi dengan solat seratus ribu rakaat di masjid lain.




Dapat melihat dan memandang Ka'abah dalam solat di mana memandang Kaabah sahaja akan mendapat 20 rahmat, jika bersolat menghadapnya mendapat 40 rahmat.

MANFAAT IBADAH HAJI




Dapat berada di tempat-tempat yang paling mustajab untuk berdoa seperti di Multazam, di Hjr Ismail, di telaga zamzam.




Menikmati air zamzam yang merupakan penawar segala penyakit dan mendapat khasiat sepertimana yang diniatkan.

MANFAAT IBADAH HAJI

جَنَّةِ اَوْوَسِينِ الْحَجَّ



Menjadi Duyufur-Rahman iaitu tetamu Allah dan segala permohonan diperkenankan dan segala dosa diampunkan.



Mendapat peluang balasan syurga “Jannah an-Na’im” jika memperolehi haji mabrur.

HAJI MABRUR

Di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu. Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda:

وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

“Haji Mabror tidak ada ganjaran yang layak baginya melainkan syurga” (Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim).

CARA MENGHAYATI FALSAFAH HAJI

Menghidupkan roh ibadat haji itu di hati sanubari sebelum bertolak ke Tanah Suci.

Mulakan azam melatih dan muhasabah diri awal-awal lagi untuk memahami kehendak haji.

Jangan letakkan diri kita menunggu perubahan setelah sampai ke Tanah Suci atau selepas selesai mengerjakan haji, sebaliknya kita cuba mengubah diri kita dahulu mulai sekarang mengikut matlamat yang digariskan oleh haji.

CARA MENGHAYATI FALSAFAH HAJI

Sebelum melontar jamrah, kita sepatutnya mula melontar sifat-sifat buruk dan keji yang ada dalam diri.

Sebelum solat berjemaah di Masjid Nabawi di Madinah Al-Munawwarah dan Masjidil Haram di Makkah Al-Mukarramah, kita sepatutnya sudah membiasakan diri berjemaah di masjid tanah air.

Kita sepatutnya memperbanyakkan membaca al-Qur'an dan beriktikaf sebelum melaksanakan tawaf dan bermunajat di Masjidil Haram, Makkah Al-Mukarramah.



جَبَاتَانِ أَوْرُوسِيْنِ حَجِّ

**JABATAN URUSAN HAJI
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Laman Web : www.juh.gov.bn | E-mel : juh.kheu@mora.gov.bn